



**“Kita tidak perlu sempitkan skop kerja amal kerana jika ia mampu memberi impak positif kepada penerimanya  
Dr Mohamad Shatar Sabran**

11-04-2016

setempat

19

HARIAN METRO

Siti Fatimah Hassan  
sfhassan@hmetro.com.my

# Beri **impak** positif

Kuala Lumpur

■ Umum diminta lihat kegiatan amal dalam konteks lebih luas

Masyarakat perlu melihat kegiatan amal dalam konteks yang lebih luas termasuk menggunakan cara yang kreatif untuk menggembirakan orang ramai selagi ia tidak melanggar peraturan dan nilai masyarakat Malaysia.

Pakar Sosial yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran berkata, apa juga kaedah yang dilakukan, ia tetap dilihat sebagai perkara yang mampu memberikan impak besar yang positif menerusi sumbangan yang diberikan terhadap masyarakat.

Katanya, ia sekali gus dapat mengalihkan tumpuan masyarakat ke arah yang le-

bih baik dengan memanfaatkan masa yang terluang melakukan sesuatu berfaedah berbanding melakukan perkara yang membuang masa.


“Bagi saya, apa juga kerja amal yang dilakukan, ia perlu disokong namun ia tidak boleh diberi satu ketetapan dalam satu aspek saja seperti doa dan bersedekah.

“Kerja amal ini mempunyai perspektif yang terlalu besar, kita kena lihat dari sudut itu asalkan ia dapat menggembirakan orang yang diziarahi selagi mana ia tidak melanggar peraturan dan nilai masyarakat kita.

“Kita tidak perlu sempitkan skop kerja amal kerana jika ia mampu memberi im-

pak positif kepada mereka yang menerimanya, ia perlu diteruskan khususnya untuk menggalakkan lagi anak muda terbabit dengan kegiatan amal,” katanya ketika dihubungi Metro Ahad, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas



laporan muka depan Metro Ahad semalam, mengenai kumpulan anak muda yang menggelarkan diri mereka The Ultimate Cosplayers (TUC) yang bergabung tanpa mengira latar belakang dengan tujuan menghiburkan hati

orang ramai terutama pesakit kanak-kanak dengan memakai pakaian cosplay ‘superhero’.

‘Superhero Malaya’ itu membawa pelbagai watak adiwira Hollywood dan Jepun antaranya Captain America, Spiderman, Transformers Bumblebee, Iron Man, Deadpool, Ant Man, Kylo Ren, Stormtrooper,

Sanji, American Werewolf dan Raja Pop, Michael Jackson.

Selain itu, Mohamad Shatar berkata, usaha yang dilakukan wajar dipuji masyarakat apabila pesakit kanser memerlukan sokongan dan kekuatan daripada orang lain untuk menghadapi penyakit itu.

Putrajaya

## Debat isu tanah Taman Manggis jejas siasatan

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) iaitu badan yang memantau perjalanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berpendapat bahawa debat mengenai isu tanah Taman Manggis perlu dielakkan kerana dibimbangi menjejaskan siasatan.

Pengerusinya Tan Sri Abu Zahar Ujang berkata, pihaknya mengikut rapat rancangan perdebatan antara Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

Beliau berkata, selepas mengambil kira perkembangan semasa, pihaknya berharap pihak terbabit mempertimbangkan semula idea perdebatan berkenaan.